



1064 APLIKASI KAEDAH MURAJA'AH DALAM KALANGAN GURU TAHFIZ DI SELANGOR: SATU ANALISIS.

Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A.Adi, Shaharuddin Saad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mrsyafee@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pertumbuhan institusi tahfiz al-Quran yang semakin bertambah telah membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia begitu mementingkan pendidikan tahfiz. Setiap penghafaz al-Quran perlu memahami sifat dan keadaan hafazan yang dimiliki bukan selama-lamanya terlekat dalam ingatan, bahkan perlu kepada proses penjagaan yang berterusan. Penghayatan pelajar dalam muraja'ah dan pengaplikasian kaedah muraja'ah guru sangat penting dalam meningkat mutu dan kualiti hafazan pelajar. Jesteru, kajian ini telah dilakukan untuk mengetahui kaedah-kaedah muraja'ah yang dipraktikkan oleh guru-guru al-Quran kepada pelajar tahfiz di Selangor. Rekabentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual terhadap 4 orang guru tahfiz di Selangor berkaitan kaedah-kaedah muraja'ah yang dipraktikkan oleh mereka kepada pelajar tahfiz di Selangor. Data observasi hasil responden dianalisis secara deskriptif menggunakan persisian Nvivo 2.0. Dapatan kajian daripada temubual guru menjelaskan terdapat enam kaedah muraja'ah yang telah dipraktik oleh pihak guru kepada pelajar tahfiz di sekolah mereka. Implikasi kajian ini menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian hafazan pelajar dengan pendekatan kaedah muraja'ah al-Quran yang dipraktikkan dalam kalangan tenaga pengajar. Sehubungan itu, proses ini menjadi satu fondasi utama agar kesempurnaan kalamullah yang mulia ini dapat dijaga dengan sebaiknya khususnya bagi setiap penghafaz al-Quran.

Kata Kunci : *kaedah muraja'ah, guru tahfiz*

1. PENDAHULUAN

Pertumbuhan institusi atau pusat tahfiz al-Quran yang semakin bertambah dari semasa ke semasa telah membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini begitu mementingkan pendidikan tahfiz. Proses menghafaz al-Quran adalah bukan suatu yang mudah, bahkan perlu kepada pengorbanan yang besar daripada setiap penghafaznya. Proses ini menuntut komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan serta tanggungjawab yang berat terutama melibatkan proses penjagaan al-Quran bagi pelajar yang telah tamat menghafaz al-Quran.

Khairul Anuar Mohamad (2016) menjelaskan bahawa penghafaz al-Quran perlu faham sifat dan keadaan hafazan yang dimiliki bukan selama-lamanya terlekat dalam ingatan. Hafazan memerlukan kepada proses yang khusus bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran.



Hadis Rasulullah s.a.w :¹

"تَعَاهَدُوا الْقُرْآنَ فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ هُوَ أَشَدُّ تَقَلُّبًا مِنَ الْإِبِلِ مِنْ عَقْلِهَا "

Maksudnya :*“Selalulah kamu membaca dan mengulangi al-Quran demi jiwaku dalam genggamannya. Sesungguhnya al-Quran sangat cepat hilang dari ingatan berbanding terlepasnya seekor unta liar dari ikatannya”*

Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa kepentingan penjagaan al-Quran sangat dituntut kepada semua penghafaz al-Quran dan proses penjagaan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan agar kualiti hafazan al-Quran akan terus kekal dalam ingatan kerana al-Quran tersangat mudah untuk dilupakan.

Tanggungjawab menjaga hafazan al-Quran tidak boleh dipandang remeh oleh pelajar tahfiz al-Quran kerana ia bukan suatu yang mudah bahkan perlu kepada mujahadah untuk sentiasa muraja’ah supaya kualiti hafazan al-Quran lebih terjaga.

Proses penjagaan al-Quran perlu kepada proses pengukuhan muraja’ah yang bersistematik kerana sifat al-Quran itu mudah dilupai. Justeru satu kajian telah dilaksanakan untuk mengkaji dengan lebih lanjut tentang pendekatan kaedah muraja’ah al-Quran dalam kalangan tenaga pengajar tahfiz di Selangor sebagai satu panduan kepada pelajar tahfiz dalam usaha mengukuhkan kualiti hafazan al-Quran mereka.

2. METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini telah dilakukan untuk mengetahui kaedah muraja’ah yang diaplikasi oleh tenaga pengajar kepada pelajar tahfiz di Selangor. Rekabentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual terhadap 4 orang guru tahfiz di Selangor berkaitan kaedah-kaedah muraja’ah yang dipraktikkan oleh mereka kepada pelajar tahfiz di Selangor. Data observasi hasil responden dianalisis secara deskriptif menggunakan persian Nvivo versi 11.

¹ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Sohih al-Bukhari 1400H al-Kaherah, Maktabah Salafiyyah.

Proses menganalisis data-data kualitatif ini melibatkan beberapa fasa iaitu melalui kaedah temubual dalam bentuk soalan semistruktur yang berkaitan tahap pengajian guru, kaedah muraja'ah yang dipraktik oleh pihak sekolah, penyediaan jadual khas muraja'ah kepada pelajar khatam, kaedah yang dilakukan guru bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam muraja'ah al-Quran, program yang dibuat pihak sekolah bagi memantapkan hafazan pelajar, cadangan untuk meningkatkan mutu hafazan pelajar dan masalah yang dihadapi oleh guru serta pelajar. Soalan temubual ini ditranskripsi, seterusnya dikenalpasti tema-tema atau konsep-konsep yang terdapat di dalam temu bual dan akhir sekali pengakaji membuat laporan berdasarkan kepada data-data yang diperolehi.

3. ANALISIS DAPATAN BERKAITAN KAEDAH MURAJA'AH YANG DIAPLIKASI OLEH GURU TAHFIZ DI SELANGOR

Bahagian ini akan membincangkan analisa data dan memaparkan hasil penemuan kajian daripada temubual 4 orang guru al-Quran. Dapatan ini telah ditranskripsi daripada soalan-soalan temubual, dikenalpasti tema-tema atau konsep-konsep yang terdapat di dalam temu bual dan laporan berdasarkan kepada data-data yang diperolehi. Rajah 1 berikut adalah data dihasilkan melalui temubual berkaitan kaedah muraja'ah yang diaplikasi oleh guru al-Quran kepada pelajar tahfiz di Selangor:



Rajah 1 Kaedah muraja'ah

(Sumber: Soal Selidik 2018)

Rajah 1 di atas menjelaskan terdapat enam kaedah yang telah dipraktik oleh pihak guru kepada pelajar tahfiz di sekolah mereka. Kaedah muraja'ah ini sangat penting kerana ia



sangat berkaitan rapat dengan prestasi hafazan para pelajar. Fokus pada bahagian ini sangat penting untuk diaplikasi oleh guru kepada pelajar tahfiz. Hasil dapatan ini berdasarkan jawapan daripada informan seperti berikut:

i. **Usbu^ciyah.**

“Usbu^ciyah ni dimana pelajar kena mengulang aaa apa yang dia baru tasmik dalam minggu tu, dia kena tarik lah beberapa muka yang dia tasmik sebelum tu kan. Ha itu yang die kena bawa hari-hari sepatutnya, usbu^ciyah ni. (GTS/T: 1)

ii. **Qodimah.**

“Lepas tu kalau yang qodimah ni yang dah lama. Juzuk yang belakang-belakang yang dah lama die hafal lah.” (GTS/T: 1)

“Qodim tu ialah kaedah muraja’ah ulangan hafazan mingguan mereka. Bermakna pelajar akan mengulang hafazan mingguan mereka sebelum tasmik yang baru di hadapan guru.” (GTS/T: 3)

iii. **Sabqi**

“Aa utk kaedah murojaah aaa di tahfiz yang pertama ialah sabqi, iaitu pelajar akan mengulang sejuzuk atau surah yang telah dihafaz dalam 1 minggu dan yg semalam tu akan diulang pada hari ini, dan yang dihafal pada hari ini akan diulang pada hari esok. Itu yang pertama sabqi.” (GTS/T: 2)

iv. **Mukhtar**

“Kemudian yg kedua iaitu mukhtar ataupun biasa disebut dgn mukhtar khatam lah. Untuk mukhtar pelajar akan mengulang aaa juzuk yang telah dihafaz dalam tempoh aa biasanya dalam satu bulan. Kalau contoh jumlah hafazan pelajar tersebut adalah 3 juzuk maka pelajar akan mengulang 3 juzuk lah untuk bahagian mukhtar.” (GTS/T: 2)

v. **Sabaq**

“Qodim tu, eh bukan qodim aaaa sabaq tu ialah hafazan al-Quran yang lama apabila pelajar telah mengumpul 1 juzuk. Sebagai contoh, aaa apabila pelajar telah menghafal 1 juzuk mereka perlu tasmik semula di hadapan guru sebelum boleh beralih ke juzuk yang lain.” (GTS/T: 3)

vi. **Mokhtar khatam**

“Mokhtar khatam pulak apabila pelajar telah tamat 5 juzuk. Pelajar perlu tasmik di hadapan guru 5 juzuk sebelum berpindah ke 5 juzuk yang lain. Itu adalah sistem muraja’ah yang diamalkan di sekolah ni lah.” (GTS/T: 3)

Keenam-enam kaedah muraja’ah tersebut dilakukan mengikut jadual harian di sekolah atau madrasah tahfiz masing-masing. Walaubagaimanapun, terdapat juga kekangan dan masalah yang telah dihadapi oleh guru-guru dalam mengendalikan kelas hafazan dan muraja’ah dalam kalangan pelajar di sekolah mereka. Rajah 2 berikut menjelaskan permasalahan yang telah dihadapi oleh guru al-quran semasa proses kelas hafazan dan muraja’ah al-quran pelajar mereka.



Rajah 2 Masalah yang Dihadapi oleh Guru dan Pelajar

(Sumber: Soal Selidik 2018)

Berdasarkan rajah 2 di atas menjelaskan permasalahan yang sering dihadapi oleh guru dan pelajar tahfiz di Selangor. Permasalahan terbesar dalam kalangan guru adalah bilangan guru tidak mencukupi dengan purata jumlah pelajar. Jumlah pelajar yang ramai ini memberi kesan kepada kuantiti setiap halaqah guru al-Quran. Selain itu, kualiti hafazan yang lemah juga menjadi menjadi cabaran kepada guru ditambah pelajar mempunyai masalah sikap iaitu malas untuk mengulangi ayat hafazan mereka. Perkara ini berdasarkan hasil analisa daripada pihak informan sebagai berikut:



i) Kekangan Masa oleh guru.

“Ha yang itu, semuanya sepatutnya berlaku depan guru tapi kita kadang-kadang kekangan masa kan, macam kelas saya sendiri dah 20 orang. Sepatutnya 15 orang je satu kelas. Tapi sebab masa batch masuk tahun yang saya mengajar tu die sedikit lelaki, lelaki ni sedikit perempuannya ramai, jadi kita nak tak nak kena jugak lah. (GTS/T: 1)

ii) Kualiti hafazan pelajar yang rendah.

“Dan seterusnya dari segi muraja’ah, untuk pelajar-pelajar biasanya aaa masalah yang utama iaitu kualiti hafazan biasanya kalau pelajar yang memiliki kualiti hafazan yang rendah dari segi muraja’ah dia akan terbantutlah. Maksudnya dia akan hafal balik surah ataupun ayat yang telah dihafaz.” (GTS/T: 2)

iii) Malas untuk muraja’ah.

“masalah muraja’ah aaa iaitu malas. Iaitu sikap yang misti diubati daripada diri sendiri sifat malas. Kalau tidak ada niat tidak ada kesungguhan sendiri dalam diri pelajar memang dia akan masalah dalam hal muraja’ah.” (GTS/T: 2)

Namun dalam keadaan yang begitu susah sekalipun, ia tidak membuatkan guru berputus asa, mereka telah berusaha dengan sebaiknya untuk membantu dan mengatasi masalah kelemahan hafazan yang dihadapi oleh pelajar mereka. Rajah 3 berikut dinyatakan kaedah yang telah dilakukan oleh guru bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam muraja’ah al-Quran.



Rajah 3 Kaedah yang Dilakukan Guru Bagi Mengatasi Masalah Kelemahan Pelajar dalam Muraja'ah Al-Quran
(Sumber: Soal Selidik 2018)

Berdasarkan rajah 3 di atas para guru dilihat mempunyai jiwa pendidik yang baik dan menjadi pembimbing paling berpengaruh untuk menjaga kualiti hafazan pelajar. Mereka tidak jemu memberi nasihat dan motivasi serta meluangkan masa untuk pelajar supaya para pelajar dapat muraja'ah dan mengingati ayat-ayat suci al-Quran. Mereka juga menyediakan masa khas pengulangan al-Quran kepada pelajar iaitu pada waktu petang dari 3.30 - 4.30 dan waktu malam selepas solat isyak sehingga 10.30 malam. Proses muraja'ah ini dilakukan dan dipantau secara berjadual oleh guru al-Quran atau warden asrama. Hal ini berdasarkan hasil analisa daripada pihak informan sebagai berikut:

i. **Memberi nasihat dan motivasi.**

"Itu kita kena carry individu lah. Selalu bagi kan die nasihat, motivasi dan bagi apa tu, lebihkan masa sikit untuk dia" (GTS/T: 1)


ii. **Menyediakan masa khas untuk pelajar muraja'ah dan dipantau guru al-Quran.**

"Setakat ni di tahfiz kami kelas muraja'ah akan dipantau oleh guru iaitu pada setiap petang pukul 3.30 hingga 4.30 ataupun sehingga masuk waktu asar. Itu yang wajiblah. Jadi di waktu lain pelajar akan muraja'ah secara sendiri." (GTS/T: 2)

iii. **Dipantau oleh guru atau warden.**

“Bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam muraja’ah al-Quran emmm pihak sekolah ataupun guru tu sendiri telah menyediakan satu ruang masa yang khas untuk pelajar muraja’ah pada malam hari sambil dipantau oleh guru atau pun warden yang bertugas. Buat masa sekarang kita telah dapat seorang guru yang hafiz untuk menjaga pelajar daripada selepas isyak sampai ke jam 10.30 malam setiap hari untuk memantau pelajar untuk terus muraja’ah supaya mereka tidak bermain-main. (GTS/T: 3)

Selain daripada pihak guru yang bertindak sebagai murabbi dalam membimbing para pelajar dalam menghafaz dan mengulang al-quran, pihak sekolah atau madrasah juga sangat berperanan untuk membantu pelajar di sekolah mereka dalam meningkatkan kualiti hafazan al-quran pelajar di sekolah mereka. Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan, pihak sekolah atau madrasah telah bertungkus lumus membantu pelajar dengan melaksanakan pelbagai program bagi memantapkan hafazan pelajar. Rajah 4 berikut menjelaskan program yang dibuat oleh pihak sekolah bagi memantapkan hafazan pelajar



Rajah 4 Program yang Dibuat Oleh Pihak Sekolah bagi Memantapkan Hafazan Pelajar

(Sumber: Soal Selidik 2018)



Berdasarkan rajah 4 di atas menjelaskan bahawa pihak sekolah sangat menitikberatkan berkaitan prestasi al-Quran pelajar di sekolah mereka. Pihak sekolah telah menyediakan program khas kepada pelajar mereka iaitu program perkampungan ilmu yang mana program ini diadakan setiap kali cuti panjang untuk memantapkan hafazan al-Quran pelajar mereka. Selain itu pihak sekolah juga menyediakan Jadual khas muraja'ah kepada pelajar yang telah khatam, pihak sekolah atau guru menyediakan ruang waktu yang khas, mengadakan soal jawab terhadap para pelajar secara bergilir-gilir setiap malam setelah solat isyak, pihak sekolah akan menghantar pelajar untuk menyertai isbat hafazan, dan menyertai musabaqoh hafazan serta membuat majlis bacaan sejuzuk setiap bulan.

i) **Perkampungan Ilmu.**

"Setakat ni yang kami dah buat aaa perkampungan ilmu. Perkampungan ilmu ni aaa setiap kali cuti panjang. Aaaa tahun ni cadangannya 2 sesi. Sesi pertama hari tu dah buat dah pada bulan 3, untuk akan datang nii mungkin November ni ah. Kita buat aaa memang fokus pelajar waktu tu tak de campur dengan kelas akademik memang betul-betul kelas Quran. Kira 4 jam pagi tu aaa setiap hari diorang akan tasmik Quran, petang tu memang diorang kena bersedia untuk esok pulak. Perkampungan ilmu la setakat ni."
(GTS/T: 1)

ii) **Jadual khas muraja'ah.**

"Pihak sekolah ada menyediakan jadual khas muraja'ah kepada pelajar yang telah khatam. Antara sesi jadualnya dari pukul 8 pagi ke 10 pagi. Pelajar akan mengulang satu juzuk bersama guru dan satu juzuk bersama pasangan masing-masing. Maknanya dalam sehari tu minimum pelajar yang telah khatam ni akan mengulang 2 juzuk minimum. Dan pada sebelah malam mereka mengulang sendiri." (GTS/T: 3)

iii) **Pihak guru menyediakan ruang waktu yang khas.**

"Bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam muraja'ah al-Quran emmm pihak sekolah ataupun guru tu sendiri telah menyediakan satu ruang masa yang khas untuk pelajar muraja'ah pada malam hari sambil dipantau oleh guru atau pun warden yang bertugas. Buat masa sekarang kita telah dapat seorang guru yang hafiz untuk menjaga pelajar daripada selepas isyak sampai ke jam 10.30 malam setiap hari untuk memantau pelajar untuk terus muraja'ah supaya mereka tidak bermain-main." (GTS/T: 3)

iv) **Soal jawab terhadap pelajar.**



“Langkah-langkah yang telah kami buat antaranya, pertama kami akan adakan soal jawab terhadap para pelajar secara bergilir-gilir setiap malam setelah solat isyak. Itu yang pertama untuk menguji hafazan para pelajar.” (GTS/T: 2)

v) **Menyertai Isbat Hafazan.**

“Kemudian yang kedua, kami akan menghantar pelajar untuk menyertai isbat hafazan sama ada kategori 1 hingga 5 juzuk, 1 hingga 10, ataupun 1 hingga 20 dan 1 hingga 30 juzuk. Itu yang kedua, isbat hafazan anjuran aa Persatuan Institusi Selangor lah (PITAS)” (GTS/T: 2)

vi) **Menyertai musabaqoh.**

Yang ketiga, kami akan menghantar pelajar untuk menyertai musabaqoh hafazan peringkat daerah Klang. Itu yang terdekat dalam bulan 11 tahun 2018 ni InsyaAllah. Itu antara inisiatif yang kami adakan lah untuk memantapkan hafazan. (GTS/T: 2)

Program yang dibuat oleh pihak sekolah untuk memantapkan hafazan dalam kalangan pelajar setakat ni kita ada program musabaqoh yang mana musabaqoh quran ni kita akan melibatkan pelajar-pelajar yang telah habis sukatan hafazan tahunan, yang mana musabaqoh ni kita buat pada setiap hujung bulan. Itu salah satu daripada cara kita untuk mantapkan lagi hafazan supaya pelajar ini tidak tinggal terus apa yang telah mereka hafal. (GTS/T: 3)

vii) **Majlis bacaan sejuzuk setiap bulan.**

Membuat majlis bacaan sejuzuk setiap bulan, 3 hingga 4 pelajar setiap bulan sebagai pemangkin semangat para pelajar lain yang melihat. (GTS/T: 4)

4. KESIMPULAN

Kajian kaedah muraja'ah al-Quran dalam kalangan tenaga pengajar tahfiz di Selangor pula adalah sangat memuaskan kerana kebanyakan guru telah mengambil peranan penting dalam membantu pelajar mereka menjalani proses muraja'ah pada setiap hari melalui pemantauan yang telah dibuat oleh mereka. Para pelajar dilihat kurang berdisiplin dalam penjagaan al-quran mereka sekiranya para guru tidak mengambil peluang yang baik semasa



mengendalikan kelas hafazan dan mengulang. Ini menunjukkan bahawa kesungguhan guru dalam melaksanakan kaedah pembelajaran yang baik adalah sangat signifikan dengan prestasi dan natijah al-quran pelajar mereka.

Mohd Aderi Che Noh (2018) dalam kajiannya iaitu “*Pengurusan Pendidikan Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta di Malaysia*” mengatakan sistem yang memberi kesan yang mendalam di dalam proses menghafaz al-Quran adalah bimbingan yang diberikan oleh guru atau tenaga pengajar di sesebuah institusi tahfiz tersebut melalui kaedah tasmik dan pengulangan.

Kaedah ulangan ini amat bagus dan wajib dilaksanakan terhadap pelajar yang memerlukan bimbingan dan seliaan daripada guru. Tanpa bimbingan dan pengawasan daripada guru, pencapaian hafazan dan daya ingatan para pelajar akan mudah luntur. Nabi SAW juga turut memperdengarkan serta menyemak bacaan al-Qurannya di hadapan malaikat Jibrail A.S pada setiap tahun sekali dalam bulan Ramadhan dan dua kali pada tahun kewafatannya.

Jesteru, hubungan yang baik di antara tenaga pengajar dengan pelajar merupakan faktor penting dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam muraja’ah al-Quran mereka. Tenaga pengajar atau guru adalah rakan yang terbaik dalam sebuah institusi pendidikan dalam memberikan motivasi dan merupakan ikon terhadap pelajar. Sikap prihatin yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar mampu menarik perhatian pelajar lebih berusaha dalam pembelajarannya.

5. RUJUKAN

Abdul Fatah Hassan. 1994. *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*.

Skudai : UTM.

Ab. Halim Tamuri, Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu’allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 43-56.

Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad, Idris Ismail. 2003. *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Universiti Teknologi Malaysia.



- Abdul Hafiz Abdullah, Husin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Basit Semat. 2005. *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Mazaayaa al-Hafiz. 2006. *Panduan Menghafal Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abu al-Wafa. 1999. *Al-Nur Al-Mubin Litahfiz Al-Quran al-Karim*. Jiddah: Dar al-Wafa.
- Abu al-Fida Muhammad 'Izzat Muhammad' Arif. 2006. *Kaifa Nahfaz Qur'an*. Cairo: Dar al-Salam.
- Abu al-Hafiz. 2005. *Fast and Easy Method of Memorization*. New York: Al-Hidayah.
- Afaf Abdul Ghafor Hameed. Dr., Adel M. Abdulaziz. Dr., Mohamed Abdullahi Nur. Dr., Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2003). *Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah*. Siri 1, Sidang Editorial, KUIM: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, Khairunnisa A Shukor. 2016. *Pembinaan Hubungan Di Antara Guru Dengan Pelajar*. Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Pengajian Am Politeknik Ungku Omar.
- Al-Quran Al-Karim. 2017. Cetakan Pertama. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd
- Al-Qhattan, Manna'. 2001. *Studi Ilmu-Ilmu Quran*. Jakarta: Litera AntarNusa.
- An-Nawawi, Ibnu Syafarudn, Abi Zakaria. 1996. *Terjemahan Al-tibyan fi adab hamalat al-Quran*, Mizan.



- Anisa Ida Khusniyah. 2014. *Menghafal Al-Quran dengan Metode Muraja'ah : Studi Kasus di Rumah Tahfidz Al-Ikhlash, Karangrejo Tulungagung*. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Azmil Hashim, Ab.Halim Tamuri, Misnan Jemali, Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungan dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1, 9-16.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri. 2012. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 1-10.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh. 2011. Classes for Implementation Skills of al-Qur'an in Malaysia: An Analysis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3 (4). 47-58.
- Farid Wajdi. 2008. *Tahfiz Al-Quran dalam Kajian 'Ulum Al-Quran (Studi Atas Berbagai Metode Tahfiz)*. Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Fauziah Mohd Noor. 1993. *Penghafalan al-Quran Di kalangan Wanita: Satu Kajian di Maahad Tahfiz, Pusat Islam*. Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM KL : Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Fitriani Gade. 2014. Implementasi Metode Takrar Dalam Pembelajaran Menghafal Al-Quran. *Jurnal Ilmiah Didaktika*, 14, 413-425.
- Hanani Abu Bakar et al. 2004. *Methods of Memorising the al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- H. Muhammaddin. 2013. *Manhaj Salafiyah*. Disember.



Ibrahim Abd al-Mun'im al-Syaribaini. 1995. *Kaifa Yahfaz Qur'an*. Zaqaziq: Dar Ibn Kathir.

Ismail Awang. 1987. *Pengajian dan Tafsir al-Quran*. Kota Bahru: Dian Darul Na'im Sdn. Bhd.

JAKIM. 2002. *Prospektus Darul Quran 2002/2003*. t.tp: t.tp.

Kadar M. Yusuf. 2012. Tipologi Keperibadian Manusia Dalam Perspektif Al-Quran. *Jurnal Hadhari* 4(2), 1-28.